



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

| | |
|------------------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 26 March 2016 |

Dr. M sudah hilang pertimbangan - Aziz

Um - 26/3/2016

LABIS 25 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa sudah hilang pertimbangan apabila sanggup bekerjasama dengan pembangkang yang merupakan musuh beliau semasa memegang jawatan dahulu apabila mendesak Datuk Seri Najib Tun Razak mengundurkan diri.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berka-

ta, walaupun berlaku perpecahan dalam kalangan ahli parti ketika ini, ia tidak seteruk berbanding ketika era pemerintahan Dr. Mahathir dan Tun Musa Hitam pada tahun 80-an.

Menurutnya, ketika itu UMNO berpecah kepada Team A dan B yang menyaksikan Dr. Mahathir hanya memperoleh sokongan daripada 55 peratus ahli berbanding kira-kira 95 peratus ahli yang me-

nyokong Najib ketika ini.

"Adalah amat memalukan apabila tidak lagi mendapat sokongan daripada ahli UMNO, beliau yang merupakan seorang negarawan terpaksa mengemis dan bekerjasama dengan pemimpin pembangkang yang merupakan musuhnya ketika menjadi Perdana Menteri dahulu," katanya ketika ditemui dalam satu program di sini hari ini.